

# Nasib 128 pelajar mohon kursus perubatan diketahui Rabu **PM bawa ke Kabinet**

Daripada ZAINI HASSAN

**S**HANGHAI 31 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan mengumumkan 'nasib' 128 pelajar cemerlang yang gagal mendapat tempat bagi kursus perubatan di universiti awam Malaysia selepas berbincang dengan Kabinetnya, Rabu ini.

Perdana Menteri berkata, beliau mempunyai beberapa idea yang boleh menyelesaikan masalah itu.

"Tetapi saya tidak mahu mengumumkannya sekarang. Saya kena bincang dalam Kabinet," katanya pada sidang akhbar selepas mengakhiri lawatan rasmi lima hari ke Republik Rakyat China, di Hotel Shangri-la di sini hari ini.

Abdullah berpendapat, pelajar-pelajar berkenaan perlu diberi sokongan dan peluang untuk meneruskan pelajaran.

"Saya rasa kita patut menyokong dan tidak menjejaskan peluang mereka untuk meneruskan pelajaran; ia sangat penting.

- Kenaikan gaji pensyarah perubatan dikaji — Muka 2
- Hentikan perbincangan terbuka — Muka 4

"Kita sedar mata pelajaran yang mereka minat itu, kita akan bincang perkara itu dan saya akan mengumumkannya selepas mesyuarat Kabinet nanti," katanya.

Pelajar terbabit tidak ditawarkan tempat untuk mengikuti bidang perubatan di IPTA walaupun memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.0, iaitu nilai gred tertinggi bagi aliran sains dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Khamis lepas, Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Hassan Said berkata, berdasarkan sistem meritokrasi, seramai 38,892 pelajar ditawarkan tempat di IPTA

1/06/04 ms 1 um .